

April 2026



**IKLAN KEKOSONGAN DAN PENGURUSAN TAPAK SKATEPARK
DATARAN SEJARAH AYER KEROH**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada tuan/puan untuk menyewa dan menguruskan bangunan/struktur serta seluruh kawasan sewaan termasuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang berkaitan di Tapak Skatepark Dataran Sejarah Ayer Keroh milik Majlis dengan perincian seperti berikut:

BIL	NAMA DAN LOKASI	KEKOSONGAN	TEMPOH SEWAAN	KADAR MINIMA SEWAAN SEBULAN	SKOP KERJA	KOD BIDANG
1	SKATEPARK DATARAN SEJARAH AYER KEROH	1	3 TAHUN	RM1,000.00	PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN	221507 (Penyewaan dan Pengurusan Kemudahan Awam / Sukan)

April 2026



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN TAPAK SKATEPARK DATARAN SEJARAH AYER KEROH

1. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia, berumur 21 tahun ke atas dan keutamaan diberikan kepada Syarikat yang mempunyai pejabat di Negeri Melaka mampu menyediakan kelengkapan, peralatan, kemudahan dan tenaga kerja yang mencukupi.
2. Tawaran ini mengikut keadaan sediaada di lokasi yang dinyatakan.
3. **Borang Permohonan Dan Cadangan Terperinci** perlu dihantar ke kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bersama-sama dokumen seperti berikut:
 - a. 1 salinan kad pengenalan pemohon dan saksi (suami/isteri/ibu/ bapa)
 - b. 1 salinan penyata kewangan yang terkini bagi 3 bulan terkini
 - c. 1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat
 - d. 1 salinan Sijil Kementerian Kewangan beserta kod bidang yang berkaitan
 - e. Softcopy (Cd/Pendrive) dan hardcopy (3 salinan berwarna) bagi profil syarikat serta cadangan terperinci dari pihak syarikat yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Cadangan jenis perniagaan dan kadar sewa bulanan kepada MPHTJ
 - ii. Cadangan penambakan Tapak Skatepark sedia ada untuk operasi fasiliti sukan
 - iii. Waktu operasi dan tempoh sewaan
 - iv. Kadar bayaran / caj bagi aktiviti dijalankan
 - f. Lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan (jika ada)
4. Permohonan dibuka bermula **6 April 2026 sehingga 5 Mei 2026**
5. Segala pertanyaan boleh berhubung terus dengan Puan Nur Ain Syazwani Binti Jamaludin atau Puan Misah Binti Abdol Rahim di Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di talian **06-2323773 sambungan 325/326**.
6. Pemohon yang telah menghantar dokumen permohonan dengan lengkap beserta wang proses **RM10.00**, tuan/puan akan dihubungi melalui telefon untuk menghadiri sesi **pembentangan**. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh pembentangan adalah dianggap tidak Berjaya.

April 2026



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN TAPAK SKATEPARK DATARAN SEJARAH AYER KEROH

1. Menjalankan perniagaan yang bersesuaian dengan keadaan, lokasi dan persekitaran. Setiap aktiviti yang dijalankan perlu mendapat kebenaran Pihak Majlis terlebih dahulu.
2. Memastikan ruang sewaan sentiasa berada dalam keadaan selamat, bersih dan terjaga dari semua espek.
3. Menyelenggara dan menaiktaraf keseluruhan kawasan termasuk fasiliti sedia ada untuk kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan.
4. Memastikan longkang, rumput dan pokok berada dalam kawasan diselenggara dengan baik.
5. Memastikan perniagaan dan aktiviti yang dijalankan tidak melanggar undang-undang.
6. Keseluruhan kawasan perlu dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) yang aktif dan berfungsi dengan baik.
7. Semua kos, tanggungan dan perbelanjaan untuk mengurus, menyelenggara, menaiktaraf, mengubahsuai dan menjalankan operasi adalah dibawah tanggungjawab syarikat sepenuhnya.
8. Memastikan sisa pepejal diuruskan dengan sempurna oleh kontraktor yang berdaftar dengan **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWC Corp)**
9. Syarikat perlu mengambil insuran tanggungan awam (Public Liability) sekurang-kurangnya RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu Sahaja)


(DATUK SAPIAH BINTI HARON)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
PBT/NAS/JIMAR/IklimKekosonganSkateParkDataranSejarah